



# Saintis Muda Negara ke IIASA dan CERN

Oleh ASHRIQ FAHMY AHMAD  
ashriq.ahmad@utusan.com.my

**B**UAT pertama kalinya lima saintis muda Malaysia diberi peluang bekerjasama dengan saintis antarabangsa bagi menjalankan penyelidikan dalam beberapa bidang yang menjadi cabaran global.

Mereka bakal bekerjasama dengan saintis antarabangsa di Institut Antarabangsa Untuk Sistem Analisis Gunaan (IIASA), Vienna, Austria dan di Organisasi Kajian Nuklear Eropah (CERN) di Geneva, Switzerland.

Menurut Presiden Akademi Sains Malaysia (ASM), Tan Sri Dr. Ahmad Tajuddin Ali FASc, penyertaan saintis muda ini merupakan kejayaan pertama agensi tersebut dalam usaha untuk membantu mereka menjalankan kerjasama dalam program anjuran IIASA dan CERN.

"Kejayaan ini adalah susulan peranan ASM sebagai ahli organisasi nasional kepada IIASA sejak 9 Februari lalu.

"Malah, kita sebelum ini ada menyatakan hasrat untuk mengadakan kerjasama penyelidikan dan pembangunan modal insan yang mana ditandatangani bersama oleh ASM dan CERN pada 23 Jun tahun lalu," katanya pada majlis memperkenalkan lima saintis muda kepada media di Kuala Lumpur baru-baru ini.

IIASA merupakan sebuah organisasi penyelidikan antarabangsa yang menjalankan kajian berorientasikan polisi.

Ia juga khusus bagi menangani masalah yang kompleks dan sukar untuk diselesaikan oleh sesebuah negara atau satu disiplin akademik.

Terdapat tiga bidang keutamaan penyelidikan di IIASA iaitu Tenaga dan Perubahan Iklim; Air dan Makanan; serta Kemiskinan dan Ekuiti. Manakala CERN adalah sebuah pusat penyelidikan saintifik yang terbesar dan unggul terletak berdekatan antara sempadan Perancis dan Switzerland.

CERN merupakan salah sebuah organisasi penyelidikan yang unggul di dunia yang menjadi contoh baik bagi kerjasama antarabangsa. Bidang kajian yang menjadi fokus utama CERN adalah fizik asas yang membolehkan pemahaman mendalam tentang alam semesta. CERN juga merupakan tempat di mana *World Wide Web* direka pada tahun 1989.

Sepanjang penyertaan saintis muda negara dalam kedua-dua program tersebut, mereka bakal memperoleh pengalaman serta memperluaskan minat dalam bidang penyelidikan



**LIMA saintis muda yang berjaya mengharumkan nama negara setelah terpilih untuk bekerjasama dengan saintis di IIASA dan CERN.**

melalui kerjasama pelbagai disiplin dan persekitaran penyelidikan daripada pelbagai budaya.

Pada masa sama, mereka juga dapat membentuk satu rangkaian hubungan antarabangsa bersama saintis-saintis terkemuka serta rakan sebaya dari seluruh dunia.

Sementara itu, Maragatham Kumar berkata, kerjasama bersama saintis luar negara tersebut dapat menambah pengalamannya sebagai seorang pegawai penyelidik.

Maragatham yang sedang menjalankan penyelidikan berkenaan *Assessment of Air Pollution and GHG Mitigation Strategies in Malaysia Using Scientific Model* berharap dapat mencari satu resolusi khas menangani masalah pencemaran udara di negara ini melalui kerjasama tersebut.

Bagi Oh Pin Pin pula, menerusi program tersebut beliau berharap penyelidikan yang sedang dijalankan iaitu *Development of a Novel Membrane Reactor System for Sustainable Palm Biodiesel Production in Malaysia* dapat dikembangkan lagi.

Sementara itu, Mohammed Daniel Davis Muhammed menyifatkan minat yang mendalam dalam bidang fizik sejak kecil akhirnya membuahkan kejayaan apabila terpilih menjadi salah seorang saintis muda negara untuk program CERN.

"Kini, saya masih belajar dan sedang menjalankan kajian teori fizik mengenai alam cakerawala. Terpilih dalam program sebegini merupakan pendedahan yang amat baik bagi saya," katanya.

Pun begitu, saintis muda kecil molek, Siti Fatimah Mohd. Raihan pula tidak dapat

menyembunyikan rasa bangga atas penghargaan yang diberikan oleh ASM melalui pemilihan tersebut.

Katanya, peluang bekerjasama dengan CERN merupakan langkah beliau untuk lebih mendalami bidang fizik dan astrofizik yang amat diminatinya.

Afiq Aizuddin Anuar yang juga amat berminat dalam bidang teori zarah fizik berkata bentuk kajian yang akan dijalankan menerusi program tersebut masih belum ditentukan secara spesifik, namun beliau memiliki perancangan tersendiri.

## Lima orang saintis muda

- Maragatham Kumar  
Pegawai penyelidik,  
Agensi Nuklear Malaysia
- Oh Pin Pin  
Calon doktor falsafah (PhD), Universiti Nottingham, Kampus Malaysia
- Mohammed Daniel Davis Muhammed  
Pelajar Ijazah Sarjana Muda Fizik,  
Universiti Putra Malaysia (UPM)
- Siti Fatimah Mohd Raihan  
Pelajar Ijazah Sarjana Muda Fizik,  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Afiq Aizuddin Anuar  
Pelajar Ijazah Sarjana Muda Fizik,  
Universiti Malaya (UM)